

08 OCT 1998

Samy-Kempen

MIC MAHU KEMPEN PUBLISITI UNTUK MEMBALAS SERANGAN MEDIA ASING

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu mencadangkan supaya kerajaan melancarkan kempen publisiti secara besar-besaran di luar negara untuk menjelaskan situasi politik dan ekonomi yang sebenar di Malaysia di sebalik laporan tidak adil oleh media asing.

Samy Vellu berkata, idea itu yang diutarakan oleh beliau di mesyuarat Kabinet semalam diterima oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Dr Mahathir memberitahu Kabinet yang kempen itu perlu dijalankan melalui kedutaan dan suruhanjaya tinggi Malaysia di luar negara.

"Kita perlu menjelaskan kepada dunia mengenai apa sebenarnya berlaku di negara ini," kata beliau di persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC (CWC) di sini, hari ini.

Malaysia sejak kebelakangan ini menjadi sasaran laporan tidak adil media asing ekoran pelucutan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan Umno awal bulan lepas. Anwar kini menghadapi tuduhan rasuah dan salah laku seks.

Juga, langkah Malaysia untuk memperkenalkan kawalan modal dan langkah-langkah merangsangkan semula ekonomi tidak dapat diterima oleh media asing.

Samy Vellu berkata, cadangan beliau itu yang antara lain boleh dilakukan melalui Internet, juga diperakui oleh CWC yang kesal terhadap laporan-laporan media asing yang tidak adil dan berat sebelah.

Malaysia telah menjadi sasaran laporan palsu media asing sejak kebelakangan ini dan rakyat hendaklah bijak menilai dan jangan mudah terpedaya dengan laporan-laporan itu, termasuk yang tersebar melalui Internet, kata beliau.

Samy Vellu berkata, CWC juga dalam mesyuaratnya hari ini sebulat suara menyatakan sokongan padu kepada kepimpinan Dr Mahathir.

"MIC menyeru seluruh rakyat Malaysia yang cintakan keamanan supaya menunjukkan sikap toleransi dan keyakinan yang tinggi terhadap kerajaan dan negara kita," kata beliau.

Kata beliau, MIC juga yakin bahawa dengan langkah-langkah ekonomi yang diambil oleh kerajaan baru-baru ini termasuk mengawal pertukaran mata wang asing untuk menyelamatkan ekonomi, Malaysia akan mencatatkan pertumbuhan ekonomi positif tahun depan.

"Sememangnya, ekonomi negara akan menyaksikan pemulihan dramatik berikutan langkah-langkah itu yang termasuk meningkatkan aliran mudah tunai dan sebagainya," kata beliau.

-- BERNAMA

ES PR